



Anwar bersama Shehbaz ketika mesyuarat tertutup pada lawatan negara di Kediaman Rasmi Perdana Menteri Pakistan di Islamabad, semalam.

(Foto bernama)

Malaysia, Pakistan tingkat hubungan dagang dua hala

Anwar, Shehbaz bincang pelbagai isu, sifatkan lawatan sangat bermakna

Islamabad: Malaysia dan Pakistan menyatakan komitmen meningkatkan hubungan perdagangan dua hala, selepas lawatan tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selepas mesyuarat dengan rakan sejawatannya dari Pakistan Shehbaz Sharif, Anwar menyifatkan lawatannya ke negara Asia Selatan itu sebagai sangat bermakna secara peribadi.

"Ini lawatan yang sangat bermakna ke Pakistan. Kami (delegasi Malaysia dan Pakistan) membincangkan pelbagai isu berkaitan kedua-dua negara daripada zon ekonomi, isu perdagangan dan pasaran dan lain-lain," katanya pada sidang media bersama Shehbaz Sharif selepas mesyuarat dua hala itu.

Anwar berkata, hasil daripada mesyuarat dua hala itu, Malaysia pada dasarnya bersetuju untuk mengimport 100,000 tan daging halal dari Pakistan serta beras Basmati.

Beliau melahirkan keyakinan pengekspor daging halal Pakistan tidak akan menghadapi masalah untuk mematuhi peraturan halal Malaysia yang ketat.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia juga akan meningkatkan kerjasama dalam memperkasa tenaga kerja mahir terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT), digital dan kecerdasan buatan (AI).

"Mengenai kolaborasi dan pekerja mahir, kita akan menantikan kerana kita akan fokus kepada pekerja yang diperlukan untuk memenuhi permintaan baharu, pelaburan yang besar, mungkin yang terbesar di kawasan ASEAN, dalam bidang IT, digital, dan AI.

"Alhamdulillah, Malaysia satu hab penting bagi industri semikonduktor. Kami boleh berkolaborasi bidang itu juga," katanya seperti laporan BERNAMA.

Lawat Bangladesh hari ini

Sementara itu, Kementerian Luar menyatakan, Anwar mengadakan lawatan rasmi ke Bangladesh hari ini, atas jemputan Ketua Penasihat Kerajaan Interim Bangladesh, Dr Muhammad Yunus, yang juga tokoh hadiah Nobel 2006.

Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Turut menyertai delegasi, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zulkifli Hasan.

"Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dua hala de-

ngan Ketua Penasihat Kerajaan Interim Bangladesh bagi membincangkan hubungan dua hala Malaysia dan Bangladesh serta memperkukuh lagi persahabatan di antara kedua-dua negara.

"Perdana Menteri juga dijangka mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Bangladesh, Mohammed Shahabuddin, sebelum pulang ke Kuala Lumpur pada hari yang sama," menurut Wisma Putra.

Pada 2023, terdapat 6,288 pelajar Bangladesh menuntut di institusi pengajian tinggi Malaysia dalam pelbagai bidang pengajian. Pekerja Bangladesh juga sekian lama menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Tahun lalu, Bangladesh rakan dagang ke-27 terbesar Malaysia, destinasi eksport ke-19 terbesar dan sumber import ke-47 terbesar, selain rakan dagang kedua terbesar Malaysia di antara negara Asia Selatan.

Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Bangladesh setakat tahun lalu mencecah RM12.7 bilion, penurunan sebanyak 35.5 peratus berbanding RM19.69 bilion pada tahun sebelumnya.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, jumlah perdagangan meningkat kepada 18.1 peratus iaitu sebanyak RM8.27 bilion berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Imbangan dagangan yang memihak kepada Malaysia juga meningkat dalam tempoh yang sama kepada RM6.65 bilion.

BERNAMA